



PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
BILANGAN 1 TAHUN 2026

DASAR LESEN KELAS BAS EKSPRES

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak (selepas ini dikenali sebagai "**LPKP Sarawak**") berkenaan penetapan dasar Lesen Kelas Bas Ekspres di Sarawak.

2. TAKRIFAN

Dalam pekeling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

'Bas Ekspres' ditakrifkan sebagai bas yang berulang-alik sepanjang laluan yang dibenarkan oleh Lembaga, dengan jadual waktu dan jadual tambang, untuk membawa penumpang mengikut tambang berasingan pada suatu perkhidmatan yang tidak mengandungi peringkat tambang yang jaraknya kurang daripada tiga puluh dua kilometer.

'Permohonan Semula' bermaksud permohonan memperbaharui lesen yang dibuat selepas tarikh akhir tempoh sah laku lesen.

‘Lesen Perubahan Sementara (LPS)’ ditakrifkan sebagai kelulusan permohonan pengubahan lesen atau syaratnya di bawah Seksyen 22, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] berhubung kawasan operasi.

3. DESKRIPSI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES

- 3.1. Perkhidmatan bas ekspres boleh beroperasi di dalam / antara daerah dalam bahagian yang sama.
- 3.2. Perkhidmatan bas ekspres boleh beroperasi di antara bahagian di Sarawak.
- 3.3. Bilangan muatan tempat duduk dari 8 tempat duduk hingga 49 tempat duduk.
- 3.4. Barangan hendaklah diletakkan di ruangan kargo sahaja.
- 3.5. Perkhidmatan bas ekspres hendaklah dilengkapi dengan penyaman udara.
- 3.6. Lesen Kelas Bas Ekspres adalah tertakluk kepada apa-apa arahan atau apa-apa peruntukan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 3.7. Pembinaan dan penggunaan bas ekspres hendaklah mengikut Kaedah - Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [LN170/1959].

4. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BAHARU LESEN KELAS BAS EKSPRES

- 4.1. Pengeluaran lesen adalah secara terbuka kepada Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad sahaja yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 4.2. Modal terkumpul atau pusingan (operasi) sekurang-kurangnya 30% daripada harga kenderaan baharu atau terpakai.
- 4.3. Mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM250,000.00.
- 4.4. Mempunyai laluan yang memerlukan perkhidmatan.
- 4.5. Mematuhi sekurang-kurangnya 70% daripada jadual waktu yang diluluskan.
- 4.6. Dibenarkan berkongsi jadual waktu dan jadual tambang yang sama dengan syarat laluan yang sama. Ini bermakna sekiranya sebuah bas mengalami kerosakan atau tidak mempunyai muatan, bas lain daripada pengusaha bas yang sama yang menggunakan laluan yang sama boleh digunakan sebagai bas pengganti.
- 4.7. Setiap kenderaan yang berlesen perlu beroperasi sekurang-kurangnya sekali dalam bulan berkenaan.
- 4.8. Tempoh sah laku lesen adalah selama 5 tahun.
- 4.9. Tempat letak kenderaan perdagangan (depoh) adalah mencukupi dan sesuai mengikut bilangan kenderaan yang dimohon dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 4.10. Had usia melesenkan kenderaan dan ganti kenderaan bas ekspres adalah tidak melebihi 10 tahun dari tarikh kenderaan didaftarkan dengan

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan dibenarkan untuk beroperasi sebagai bas ekspres sehingga 20 tahun dari tarikh didaftarkan dengan JPJ.

4.11. Pemasangan *Global Positioning System* (GPS) bagi semua bas ekspres berdasarkan kriteria 3 bintang program Trackscore MIROS dan ketetapan LPKP Sarawak iaitu:

- (a) Syarikat pembekal GPS perlu menyimpan data selama 1 tahun, dan semua data hendaklah disalinkan secara pendua (*mirrored*) ke pelayan (*server*) yang akan ditetapkan oleh LPKP Sarawak;
- (b) Syarikat pembekal GPS yang digunakan oleh pemegang lesen hendaklah mempunyai pusat sokongan teknikal yang beroperasi di Sarawak;
- (c) Syarikat pembekal GPS yang dilantik oleh pemegang lesen perlu membuka *Application Programming Interface* (API) bagi tujuan integrasi dengan Platform Berpusat yang akan disediakan oleh LPKP Sarawak (jika ada) pada masa hadapan. Caj platform adalah ditanggung oleh pemegang lesen (sekiranya ada); dan
- (d) LPKP Sarawak hendaklah diberikan akses penuh kepada sistem GPS tersebut untuk tujuan pemantauan dan pengauditan.

4.12. Bebas saman daripada JPJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

4.13. Bebas daripada penggulungan.

4.14. Mengambil atau menurunkan penumpang di perhentian yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan.

4.15. Lembaga berhak untuk menetapkan syarat-syarat tambahan di dalam permohonan lesen baharu.

5. PENGGUNAAN BUKU LOG DAN PEMANDU KEDUA

- 5.1. Penggunaan buku log dan pemandu kedua disyaratkan kepada bas ekspres yang mana jarak perjalanannya melebihi 300 kilometer atau 4 jam perjalanan.

6. LAPORAN

- 6.1. Maklumat bilangan penumpang dan hasil kutipan untuk setiap lesen yang diluluskan perlu dilaporkan secara bulanan kepada LPKP Sarawak sebelum atau pada 10 haribulan bulan berikutnya.
- 6.2. Laporan berkaitan aduan / kemalangan perlu dikemukakan kepada LPKP Sarawak dengan segera.
- 6.3. Laporan operasi bulanan kenderaan (pematuhan kepada jadual waktu yang diluluskan) perlu dikemukakan kepada LPKP Sarawak sebelum atau pada 10 haribulan bulan berikutnya.

7. KADAR TAMBANG

- 7.1. Kadar tambang bas ekspres adalah seperti yang termaktub dalam Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Kadar Tambang) 2000 [*P.U.(A) 242/2000*], seperti di Lampiran A.
- 7.2. Pemegang lesen adalah dibenar untuk memberikan potongan sehingga 20% daripada kadar tambang bas ekspres yang diluluskan oleh Lembaga.

8. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN BAHARU ATAU TAMBAHAN LESEN BAS EKSPRES

Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- 8.1. Salinan Lesen Perdagangan - Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan) (I.R.D No.7 - Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku.
- 8.2. Maklumat Korporat SSM.
- 8.3. Borang 9 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian).
- 8.4. Borang 8 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam).
- 8.5. Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam / Sendirian Akta Syarikat 2016.
- 8.6. Surat kelulusan berkaitan penggunaan terminal atau perhentian dalam kawasan laluan daripada pihak berkuasa berkaitan dan/atau pihak pengurusan infrastruktur berkenaan.
- 8.7. Maklumat lengkap tentang butiran laluan termasuk cadangan pemetaan laluan dengan perhentian-perhentian terlibat.
- 8.8. Jadual waktu berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon.
- 8.9. Jadual tambang berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon.
- 8.10. Pengesahan PBT untuk tempat letak kenderaan (depoh) tidak melebihi 6 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.

- 8.11. Pengesahan bebas saman daripada pihak JPJ dan PDRM tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.
- 8.12. Keputusan carian status penggulungan daripada Jabatan Insolvency Malaysia tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.
- 8.13. Pelan pembinaan kenderaan yang diluluskan oleh Bahagian Kejuruteraan Automatif, JPJ sekiranya permohonan melibatkan bilangan tempat duduk melebihi 49 tempat duduk.
- 8.14. 1 bulan penyata kewangan terkini (perlu disahkan oleh pihak bank dan tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga) atau sijil pemilikan kenderaan (VOC) atas nama syarikat yang memenuhi syarat untuk dilesenkan.

9. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN

- 9.1. Permohonan pengeluaran lesen dikemukakan sebelum tamat akhir sah laku Surat Tawaran Kelulusan (STK). Dokumen yang perlu disertakan untuk permohonan pengeluaran lesen adalah seperti berikut:
 - (a) Laporan PG11A;
 - (b) Surat Tawaran Kelulusan (STK);
 - (c) Laporan pemeriksaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM);
 - (d) Pengesahan kefungsi dan laporan *Speed Limitation Device* (SLD);
 - (e) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.11.;
 - (f) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
 - (g) Jadual waktu berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon;

- (h) Jadual tambang berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon; dan
- (i) Sijil pendaftaran kenderaan terkini.

10. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MEMPERBAHARUI LESEN BAS EKSPRES

10.1. Permohonan memperbaharui lesen perlu dikemukakan sebelum tarikh akhir tempoh sah laku lesen. Pemegang Lesen dibenarkan untuk mengemukakan permohonan memperbaharui seawal 1 tahun sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh akhir tempoh lesen.

10.2. Tempoh pembaharuan lesen diberi adalah selama 5 tahun sehingga usia bas mencapai 20 tahun dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Lulus pemeriksaan berkala PPKM dan kelulusan masih dalam tempoh sah laku;
- (b) Lesen Kenderaan Motor (LKM) masih dalam tempoh sah laku;
- (c) Lesen perdagangan masih dalam tempoh sah laku;
- (d) Pengesahan kefungsiian dan laporan SLD;
- (e) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.11.;
- (f) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
- (g) Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya;
- (h) Jadual waktu berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon;
- (i) Jadual tambang berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon; dan
- (j) Laporan prestasi tahun sebelumnya bagi kenderaan berkenaan.

10.3. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 5 tahun sehingga bas ekspres berusia 20 tahun.

10.4. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.

11. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SEMULA LESEN KELAS BAS EKSPRES

11.1. Permohonan semula lesen yang kurang 1 tahun dari tarikh akhir tempoh memperbaharui lesen.

11.1.1. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (a) Lulus pemeriksaan berkala PPKM dan kelulusan masih dalam tempoh sah laku;
- (b) LKM masih dalam tempoh sah laku;
- (c) Lesen perdagangan masih dalam tempoh sah laku;
- (d) Pengesahan kefungsi dan laporan SLD;
- (e) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.11.;
- (f) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
- (g) Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya;
- (h) Jadual waktu berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon;
- (i) Jadual tambang berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon; dan
- (j) Laporan prestasi tahun sebelumnya bagi kenderaan berkenaan.

11.2. Permohonan semula lesen yang melebihi 1 tahun dari tarikh akhir tempoh memperbaharui lesen.

- 11.2.1. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen yang diperlukan seperti di Perkara 8 (kecuali bagi perkara 8.14) dan dokumen tambahan iaitu penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya serta laporan prestasi tahun sebelumnya.
- 11.3. Kelulusan permohonan semula lesen dikenakan denda mengikut kadar yang diluluskan.
- 11.4. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah selama 5 tahun maksimum.
- 11.5. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.

12. LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS)


- 12.1. Permohonan dan tempoh kelulusan diberi adalah sehingga 14 hari dengan mengemukakan dokumen berikut:
- 12.1.1. LPS Rombongan
- (a) Surat permohonan daripada syarikat;
 - (b) Sebut harga kepada ketua rombongan / penyewa bas / penganjur beserta senarai nama penumpang terlibat; atau
 - (c) Surat sokongan anjuran agensi kerajaan / badan berkanun / Institusi beserta senarai penumpang terlibat;
 - (d) Jadual perjalanan (masa, tarikh dan tempat lawatan);
 - (e) VOC atas nama syarikat;
 - (f) Lesen Kelas Bas Ekspres yang masih dalam tempoh sah laku;

- (g) LKM masih dalam tempoh sah laku; dan
- (h) Lulus laporan pemeriksaan di PPKM yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku.

12.1.2. LPS Bas Tambahan / Waktu Puncak / Perayaan

- (a) Surat permohonan daripada syarikat;
- (b) Jadual tambang;
- (c) Jadual waktu;
- (d) VOC atas nama syarikat;
- (e) Lesen Kelas Bas Ekspres yang masih dalam tempoh sah laku;
- (f) LKM masih dalam tempoh sah laku; dan
- (g) Lulus laporan pemeriksaan di PPKM yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku.

12.2. Pemegang lesen hendaklah memastikan kenderaan yang diluluskan LPS Rombongan, mempamerkan tanda 'SEWA KHAS' dan tarikh kelulusan, seperti di bawah :



13. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Mac 2026. Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, **ia membatalkan Pekeliling LPKP Sarawak yang berkaitan dengan Lesen Kelas Bas Ekspres sebelum ini dan terdahulu.**

14. PENUTUP

Pekeliling ini terpakai kepada semua pemegang Lesen Kelas Bas Ekspres yang berlesen dengan LPKP Sarawak.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(CORNELIA WONG CHUI)

Setiausaha,

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.

Tarikh : 27 Februari 2026

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
Pesuruhjaya Polis Sarawak
Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak
Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)

LAMPIRAN A

Kadar tambang bas ekspres di dalam Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Kadar Tambang) 2000 [P.U.(A) 242/2000] :

Bil.	Bas Ekspres	Kadar Tambang Setiap Penumpang
1.	Berhawa dingin	Tidak melebihi 13 sen daripada kadar tambang yang ditetapkan dikenakan kepada 10 sen terdekat
2.	Kanak-kanak di bawah umur 7 tahun	Percuma
3.	Kanak-kanak berumur 7 tahun atau lebih tetapi di bawah 12 tahun	Tidak melebihi 75 peratus daripada kadar tambang yang ditetapkan dikenakan kepada 10 sen terdekat
4.	Kanak-kanak berpakaian seragam sekolah	Tidak melebihi 75 peratus daripada kadar tambang yang ditetapkan dikenakan kepada 10 sen terdekat
5.	Orang kurang upaya dan warga tua berumur 60 tahun dan ke atas	Tidak melebihi 75 peratus daripada kadar tambang yang ditetapkan dikenakan kepada 10 sen terdekat